

Adnan ganti Ahmad Phesal

Kuala Lumpur: Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Adnan Md Ikshan (**kanan**), dilantik Ketua Setiausaha kementerian itu mulai 18 Julai ini.

Beliau menggantikan Datuk Ahmad Phesal Talib yang dilantik Datuk Bandar Kuala Lumpur mulai tarikh sama.

Timbalan Ketua Pe-

ngarah (Dasar) Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Ahmad Husni Hussain dilantik Ketua Pengarah unit itu mulai 9 Julai.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa dalam satu kenyataan, kelmarin berkata: "Saya percaya pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti kedua-dua pegawai itu membolehkan

mereka memimpin dan meneruskan agenda pembangunan kerajaan seterusnya merealisasikan Program Transformasi Ekonomi dan kerajaan."

Menurut kenyataan tersebut, Adnan, 53, menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 3 Januari 1983 dan berpengalaman dalam bidang perancangan, pe-



ngurusan sumber manusia serta pengurusan pentadbiran. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dari Universiti Putra Malaysia. **BERNAMA**